

## Hubungan antara Semenanjung Tanah Melayu dengan China Sejak Awal Abad Masihi

ZULISKANDAR RAMLI & NIK HASSAN SHUHAIMI NIK ABD. RAHMAN

### ABSTRAK

*Maklumat hubungan antara negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu dengan China boleh diperoleh daripada sumber-sumber bertulis dari China dan juga data-data hasil daripada penyelidikan dan ekskavasi arkeologi yang telah lama dijalankan. Sumber-sumber bertulis dari China ada menyebut mengenai negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu ataupun pernah melalui Semenanjung Tanah Melayu ini sejak 2000 tahun yang lalu. Rujukan awal mengenai Semenanjung Tanah Melayu terdapat dalam bab 28 dalam manuskrip Ch'ien han shu yang telah disiapkan pada tahun 80 Masihi. Lokasi seperti Shen-li, Fu-kan-tu-lu, P'i-Tsung dan Huang-Chih mungkin merujuk kepada tempat-tempat yang letaknya di Semenanjung Tanah Melayu ataupun Sumatera. Ch'ih Wu Maharaja dari Dinasti Wu, telah menghantar dua orang utusan iaitu K'ang T'ai dan Zhu Ying ke kerajaan Funan dan catatan ini terdapat dalam Hikayat Liang yang ditulis pada abad ke-3 Masihi. Dalam sumber ini juga banyak menyebut tentang kerajaan-kerajaan awal yang wujud di kawasan Semenanjung antaranya ialah Tun-sun, Pan-Pan, Langkasuka serta Lin-Yi (Champa). Tan-tan yang lokasinya masih menjadi perdebatan dipercayai adalah lokasi Kelantan dan dicatatkan sejak abad ke-6 Masihi dalam catatan Liang Shu. Berdasarkan sumber Sumber China Chih tu guo ji, sebuah dokumentari yang dihasilkan hasil kunjungan Kerajaan Sui yang menghantar utusan pada tahun 607 CE hingga 610 Masihi ke kerajaan Chih-tu yang dipercayai terletak di Tanah Merah, Kelantan. Penziarah agama Buddha yang pernah melalui kawasan Semenanjung Tanah Melayu ialah Fa Hsien yang belayar dari India menuju ke tempat sama ada di Borneo ataupun Jawa dan pelayaran ini berlaku pada tahun 413 Masihi. Pada tahun 671 Masihi, seorang lagi rahib agama Buddha yang terkenal iaitu I-Ching, pernah singgah ke Kedah (Chieh-cha) dan kemudiannya terus ke Nalanda India melalui Teluk Benggala dengan menggunakan kapal Melayu. Dalam konteks penyelidikan dan ekskavasi arkeologi, hubungan dengan negara China dikaitkan dengan hubungan perdagangan berdasarkan penemuan-penemuan artifak arkeologi yang ditemui di tapak-tapak arkeologi terutamanya yang dikenal-pasti sebagai pelabuhan, tidak kira sama ada pelabuhan entrepot ataupun pelabuhan pembekal. Antara artifak yang dikaitkan dengan hubungan dagangan antara negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu dengan China ialah jumpaan-jumpaan seramik China yang bermula sejak zaman Dinasti*

*Tang dan kemudian berterusan dengan seramik Dinasti Sung, Dinasti Yuan, Dinasti Ming dan Dinasti Ching. Antara tapak-tapak arkeologi di Semenanjung Tanah Melayu yang menemukan banyak seramik China ialah di Lembah Bujang, Kedah, Pulau Kelumpang, Perak, Pulau Tioman, Pahang, Takuapa, Pattani, Chaiya, Ligor di Thailand dan Singapura. Tapak-tapak ini berfungsi sebagai pelabuhan ataupun pusat kerajaan-kerajaan Melayu awal yang mempunyai hubungan yang amat baik dengan pedagang antarabangsa sama ada dari India, Arab-Parsi, China dan Asia Tenggara.*

*Kata kunci: Semenanjung Tanah Melayu, Fa Hsien, I-Ching, Lembah Bujang, Pulau Kelumpang, Pulau Tioman*

#### ABSTRACT

*Information on the relationship between the states in the Malay Peninsula with China can be obtained from written sources from China and also data resulting from archaeological research and excavations that have long been carried out. These written sources from China have mentioned about the states in the Malay Peninsula or have passed through the Malay Peninsula since 2000 years ago. Early references of the Malay Peninsula is contained in Chapter 28 of the Ch'ien han shu manuscript that was completed in the year 80AD. Locations such as Shen-li, Fu-kan-tu-lu, P'i-Tsung and Huang-Chih possibly referred to places located in the Malay Peninsula or Sumatera. Ch'ih Wu, the Emperor from the Wu Dynasty, had sent two envoys, namely K'ang T'ai and Zhu Ying to the Funan Government and this record is contained in Hikayat Liang that was written in the 3rd century AD. In this source too were many references of the early governments that existed in the Peninsula area, among them Tun-sun, Pan-Pan, Langkasuka as well as Lin-Yi (Champa). Tan-tan of which its location is still debated is believed to be the location of Kelantan and has been recorded since 6th century AD in the records of Liang Shu. Based on the source of China's Sources of Chih tu guo ji, a documentary was produced as a result of the visit of the Sui Government that sent an envoy in the year 607CE until 610AD to the Chih-Tu government that is believed to be located in Tanah Merah, Kelantan. The Buddhist pilgrim who had travelled through the areas of the Malay Peninsula is Fa Hsien who sailed from India to a place either in Borneo or Java and this journey occurred in the year 413 AD. In the year 671AD, another well known Buddhist monk, namely I-Ching, had stopped over at Kedah (Chieh-cha) and then continued to Nalanda India through the Bay of Bengal using a Malay ship. In the context of archaeological research and excavations, the relationship with China is associated with the trade relationship based on the discovery of archaeological artefacts found at archaeological sites particularly those that have been identified as ports, regardless of whether they were entreports or feeder ports. Among the artefacts*

*linked to the trade relationship between the states in the Malay Peninsula and China are the Chinese ceramic finds that began since the age of the Ming Dynasty and continued later with the ceramics of Sung Dynasty, Yuan Dynasty, Ming Dynasty and Ching Dynasty. Among the archaeological sites in the Malay Peninsula that led to the discovery of many Chinese ceramics are those at Bujang Valley, Kedah, Kelumpang Island, Perak, Tioman Island, Pahang, Takuapa, Pattani, Chaiya, Ligor in Thailand and Singapore. These sites function as ports or the centre of the early Malay governments that had good relationship with the international traders whether from India, Arab-Persia, China or Southeast Asia.*

*Key words: Malay Peninsula, Fa Hsien, I-Ching, Bujang Valley, Pulau Kelumpang, Pulau Tioman*

## PENGENALAN

Hubungan perdagangan ataupun pengembaraan pelayar-pelayar China pada awal abad Masihi telah dicatatkan oleh penguasa-penguasa undang-undang negara China. Catatan tersebut adalah mengenai pelayaran-pelayaran yang tidak mendapat kebenaran istana kerana antara Zaman Dinasti Han (206 SM) hingga sebelum bermulanya Dinasti Song Utara (960-1126 AD), sebarang pelayaran ke luar China perlu memperoleh kebenaran daripada pihak berkuasa ataupun pihak istana China. Hanya hubungan yang bercorak keagamaan dan diplomatik sahaja yang dibenarkan dan pedagang atau pelayar antarabangsa hanya boleh berlabuh di sesetengah pelabuhan sahaja di wilayah China. Mengikut perkiraan pegawai-pegawai istana China, kegiatan perdagangan pada ketika itu tidak banyak melibatkan rakyat China maka perdagangan antarabangsa melalui laut tidak menjadi agenda utama. Walau bagaimanapun, hubungan dengan pedagang antarabangsa penting kerana terdapat sesetengah komoditi eksotik yang menjadi idaman golongan bangsawan China. Produk-produk ini termasuklah komoditi yang dikeluarkan oleh negara India, Timur Tengah dan Asia Tenggara sendiri yang mengeluarkan komoditi seperti mutiara, bulu burung raja udang, cangkerang penyu, damar, kayu gaharu, kayu cendana dan rempah-ratus.

Golongan istana yang memerintah juga cuba untuk menarik minat kerajaan-kerajaan luar untuk menghantar utusan diplomatik. Ini adalah kerana menurut kepercayaan mereka, seorang Maharaja yang baik dan berkarisma sepatutnya dapat menarik minat negara-negara luar untuk menghantar utusan diplomatik dan mengaku taat setia kepada Maharaja

tersebut. Jika mana-mana negara menghantar sebuah utusan diplomatik, maka ini akan dapat menunjukkan kepada rakyat bahawa maharaja mereka baik dan berkarisma pemerintahannya dan memenuhi jangkauan tradisional bahawa setiap pemerintahan itu adalah kuat dan disegani lawan ataupun kawan. Setiap utusan diplomatik yang datang ke China diharapkan membawa hadiah yang jarang ditemui dan bernilai harganya untuk dipersembahkan kepada maharaja.

Pihak istana China selalunya menawarkan dua bentuk insentif kepada mana-mana kerajaan yang menghantar utusan kepada mereka iaitu pengiktirafan diplomatik dan juga hadiah yang menggambarkan penghargaan kepada pihak luar yang menghantar utusan. Dengan cara ini, pemerintahan luar yang menghantar utusan tersebut mendapat prestij kerana maharaja China mengiktiraf mereka sebagai raja yang berkuasa dalam negeri tersebut. Ada bukti daripada sumber-sumber bertulis yang menyebut tentang utusan-utusan daripada kerajaan-kerajaan awal yang mendapat pengiktirafan tersebut demi kelangsungan pemerintahan mereka. Contohnya seperti kerajaan Pan Pan yang menghantar utusan ke China pada tahun 434, 435 dan 438 Masihi, Poli yang dipercayai terletak di Jawa yang menghantar utusan pada tahun 473AD dan 630AD, *Mo lo yu* (Jambi) pada tahun 644-645 AD, *Chia-cha* (Kedah) pada tahun 638 AD dan *He la dan* sebuah kerajaan dipercayai terletak di Jawa dan menghantar utusan pada tahun 430 AD.

## SUMBER-SUMBER BERTULIS DARI CHINA

Perdagangan melalui laluan laut telah membolehkan pengembara atau pedagang yang datang dari wilayah China mengenal kepelbagaian komoditi yang eksotik dan bernilai untuk dibawa pulang ke negara mereka. Pelayaran-pelayaran untuk memperoleh komoditi asing ini telah dicatatkan di dalam dokumen-dokumen mereka sejak awal abad Masihi lagi dan menjadi rujukan sejarawan dan ahli arkeologi. Sumber dari Dinasti Han yang dirujuk pada bab 28 di dalam buku *Ch'ien han su* yang siap ditulis pada tahun 80 A.D menceritakan tentang pedagang dari China yang menumpang kapal 'orang gasar' yang bukan berketurunan China untuk membeli mutiara, batu permata dan komoditi-komoditi yang jarang ditemui (Wheatley 1957). Berkemungkinan besar kapal yang dinaiki oleh pedagang China ini ialah kapal orang Melayu yang mereka rujuk sebagai orang gasar. Sumber ini juga menyebut tentang lokasi-lokasi yang berkemungkinan merujuk kepada Semenanjung Tanah Melayu seperti

*Huang-Chih* dan *P'i-Tsung*. Walau bagaimanapun lokasi-lokasi ini masih lagi menjadi perdebatan dan tiada bukti kukuh untuk mengaitkan lokasi ini terletak di Semenanjung Tanah Melayu. Gabriel Ferrand mengemukakan interpretasi yang lebih komprehensif mengenai lokasi *Huang-Chih* yang beliau katakan terletak di Kanci [pura], pusat pemerintahan kerajaan Pallava pada abad ke 3 Masihi (Ferrand 1919) manakala *P'i-Tsung* dikaitkan dengan Pulau Pisang (Wheatley 1957) ataupun lokasi yang terletak di daratan Semenanjung Tanah Melayu seperti yang di sebut dalam dokumen *Sui su* (Wheatley 1955).

Pada tahun 220 A.D, Dinasti Han tumbang dan China dibahagikan kepada tiga buah kerajaan beraja iaitu Dinasti Wu, Dinasti Wei dan Dinasti Shu. Dinasti Wu menguasai bahagian di sebelah selatan China dan jalan perdagangan laluan sutera melalui jalan darat sudah disekat oleh dua musuhnya iaitu Dinasti Wei dan Dinasti Shu. Untuk itu jalan maritim merupakan jalan yang paling sesuai untuk mendapat komoditi asing. Pada abad ke-3 Masihi, Ch'ih Wu, maharaja dari Dinasti Wu telah menghantar dua orang utusan yang bernama pegawai istana yang bernama K'ang T'ai dan Chu-Ying seorang pegawai perhubungan kebudayaan ke kerajaan Funan pada tahun 243 A.D. Dokumen yang ditulis oleh K'ang T'ai dan Chu Ying juga menyentuh lokasi-lokasi seperti Lin-Yi (Champa), Tun-sun, Pan-Pan, Langkasuka (*Langyaxiu* atau *Lang-ya-sseu-kia*) dan *Kui Li* (Muara Sungai Pahang).

Pada tahun 581 Masihi, wilayah China telah disatukan di bawah pemerintahan Dinasti Sui (581-617 Masihi) dan pada tahun 607 Masihi, Maharaja Sui yang baru bernama *Yang Di* memutuskan untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara luar China. Maharaja Sui telah menghantar dutanya ke *Chih tu* di bawah kepimpinan Chang zhu, Kustodian kelengkapan tentera dan dibantu oleh *Wang Zhong Zheng*, Penyelia Sumber Bahan Semula jadi. China telah bersatu di bawah Dinasti Sui pada tahun 589 CE dan dinasti baru ini memerlukan kemewahan eksotik dan banyak yang diimport dari Laut Selatan. Rombongan Maharaja Sui telah membawa 5000 jenis hadiah yang berbeza untuk raja *Chih tu*, dan pada saat ketibaan rombongan ini, mereka dihidangkan dengan produk tempatan sebagai hadiah pembalasan.

Keterangan terperinci tentang *Chih tu* muncul dalam sumber China *Chih tu guo ji*, sebuah dokumentari yang dihasilkan dari kunjungan Kerajaan Sui yang menghantar utusan pada tahun 607 CE hingga 610 Masihi. *Chih tu* itu digambarkan sebagai sebahagian dari kerajaan Funan (berpusat di Vietnam sekarang), dan terletak di Laut China Selatan, 100 hari perjalanan melalui laut dari China. Sumber tersebut menyebutkan

bahawa nama kerajaan yang berasal dari warna tanahnya yang 'sebahagian besarnya berwarna merah'.

Berdasarkan huraian China, lokasi *Chih tu* telah banyak diperdebatkan oleh para sarjana. Lokasi yang paling sesuai adalah bahagian pantai timur Semenanjung Malaysia, di sekitar daerah hulu Sungai Kelantan. Selain dari pertimbangan-pertimbangan umum, termasuk, geografi, iklim dan warna tanah, salah satu alasan utama untuk meletakkan lokasi *Chih tu* atau di sebut Zhi Sheng atau Shi zi di Hulu Kelantan apabila digambarkan lokasi boleh dicapai hanya selepas satu bulan perjalanan ke hulu sungai. Sungai Kelantan adalah pilihan yang paling sesuai kerana ia merupakan laluan air utama, dilayari oleh kapal-kapal bersaiz kecil dan sederhana untuk perjalanan lebih kurang 160 kilometer ke arah hulu, dan juga sebagai laluan utama ke lombong-lombong emas di Kelantan dan Pahang. Daerah ini, yang dikenali sebagai Ulu Kelantan, telah dihuni selama sekurang-kurangnya 10,000 tahun, sebagaimana dibuktikan oleh pengebumian prasejarah ditemui di Gua Cha. Penyelidikan dan ekskavasi di Gua Chawas, Ulu Kelantan telah mendedahkan sejumlah besar jumpaan *votive tablets* Buddha Mahayana mungkin berasal dari zaman Srivijaya (abad 9-11). Namun, sampai saat ini, tidak ada bukti nyata diperoleh untuk mengesahkan lokasi Chih tu ini.

Banyak aspek sosial-politik dan budaya kerajaan *Chih tu* dijelaskan dalam catatan China hasil kunjungan ini. Menurut sumber ini, kerajaan itu diperintah oleh keluarga dikenali sebagai *Chu dan*. Raja Chih tu, *Li fo duo se*, menaiki takhta ketika ayahnya melepaskan takhtanya untuk menyebarkan ajaran Buddha kepada dunia. Pada saat kunjungan utusan Maharaja Sui, raja Chih tu telah memerintah selama 16 tahun dan mempunyai tiga isteri yang merupakan puteri raja tetangga. Istananya dikatakan terletak di hulu Seng zhi dan digambarkan mempunyai 'tiga gerbang yang terletak lebih dari seratus langkah setiap satu', dilukis dengan gambar Bodhisattva dan digantung dengan bunga dan loceng. Gerbang ini dikawal oleh wanita berpakaian seperti raksasa. Mereka yang ditempatkan di luar gerbang dilengkapi dengan senjata, manakala yang tinggal di dalam kota memegang kain putih dan jaring putih untuk mengumpul bunga.

Para *Chih tu guo ji* adalah mereka yang menyusun dan menyenaraikan pegawai-pegawai yang berjawatan dalam pentadbiran raja. Ini termasuk mereka yang ditugaskan untuk mengatur urusan politik dan satu lagi untuk menjalankan pentadbiran undang-undang jenayah. *Chih tu* juga mengawal dan berkuasa terhadap beberapa kerajaan lain di mana pentadbiran dikendalikan oleh mereka yang dilantik oleh raja.

Catatan dari utusan Maharaja Sui ini juga menyatakan bahawa adat bagi laki-laki dan perempuan di *Chih tu* untuk menindik telinga, mengurapi tubuh mereka dengan minyak wangi, dan memakai bunga mawar dan kain berwarna polos. Para wanita memakai sanggul di rambut yang kelihatan di bahagian tengkuk. Rakyat harus mendapatkan izin dari raja untuk memakai loket emas yang istimewa, dan bahkan keluarga kaya juga harus mendapatkan kebenaran kerajaan untuk hak istimewa ini. Upacara Pernikahan dilakukan pada hari yang difikirkan bertuah dan diberkati. Keluarga pengantin wanita dirayakan selama lima hari sebelum upacara perkahwinan. Pada hari ketujuh, upacara perkahwinan diselesaikan dan pengantin bersatu. Setelah berkahwin, pasangan itu berpindah ke sebuah rumah yang berasingan. Namun, putera bongsu diwajibkan untuk tinggal bersama ayahnya.

Jika berlakunya kematian sama ada salah satu orang tuanya atau adik-beradiknya, orang yang berkabung akan mencukur kepala mereka dan memakai pakaian yang polos dan terang. Tubuh si mati akan dibakar di atas tempat pembakaran yang diperbuat daripada buluh dan diletakkan di atas sungai dengan tujuan apabila mayat dibakar abunya akan jatuh ke sungai. Upacara pembakaran mayat itu disertai dengan dupa atau kemenyan dan peniupan bunyi-bunyian daripada cangkerang yang berlingkar dan paluan bunyi gendang. Upacara pembakaran mayat dengan kaedah ini diguna-pakai untuk para bangsawan kelas atasan dan juga rakyat jelata, tetapi abu raja dipelihara dalam botol emas dan disimpan di sebuah kuil. Kepercayaan agama mereka dilaporkan sebagai Buddha, tetapi masyarakat *Chih tu* lebih mengabdikan diri mereka kepada para Brahman yang menunjukkan bahawa kepercayaan Hindu juga mempunyai pengaruh yang kuat dalam masyarakat seperti mana amalan pembakaran mayat dilakukan.

Makanan utama masyarakat *Chih tu* adalah nasi dan catatan China ada menyebut semasa majlis keraian dijalankan terhadap rombongan Maharaja Sui, mereka dihidangkan dengan kek atau kuih yang berwarna kuning, merah, putih dan ungu bersama-sama dengan daging lembu, daging kambing, ikan, penyu, dan babi. Putera Raja Chih tu *Na ya jia* kemudiannya mengiringi rombongan Maharaja Sui kembali ke China dengan membawa hadiah-hadiah berupa barangan hasil keluaran tempatan dan ini termasuklah mahkota emas berbetuk bunga raya dan kapur barus sebagai ufti kepada Maharaja. Hadiah ini sebagai balasan kepada pemberian Maharaja Sui kepada Raja Chih tu dan tanda bermulanya hubungan diplomatik dengan Maharaja China tersebut.

## SUMBER PENZIARAH AGAMA DARI CHINA

Selain daripada hubungan yang bercorak diplomatik yang dijalankan antara kerajaan-kerajaan di Semenanjung Tanah Melayu, terdapat juga sumber daripada pelayaran pendeta-pendeta agama Buddha menziarahi tempat-tempat suci dan yang singgah dan melalui jalan laut di sepanjang Selat Melaka. Salah satu catatan pendeta agama yang terpelihara dengan baik ialah catatan oleh Fa-Hsien yang telah melakukan perjalanan suci ke India melalui jalan darat merentasi Asia Tengah. Pada tahun 413 hingga 414 Masihi beliau pulang ke China dengan menggunakan jalan laut dan meninggalkan catatan seperti yang berikut:

*“... he took passage on board a large merchant-vessel, on which there were over two hundred souls, and astern of which there was a smaller vessel in tow in case of accidents at sea and destruction of the big vessel. Catching a fair wind, they sailed eastwards for two days; then they encountered to heavy gale, and the vessel sprang a leak. The merchants wished to get aboard the smaller vessel; but the men on the latter, fearing that they would be swarmed by numbers, quickly cut the tow-rope in two. The merchants were terrified, foe death was close at hand; and fearing that the vessel would fill, they promptly took what bulky goods there were and threw them into the sea. Fa-Hsien also took his pithier and ewer, with whatever else he could spare, and threw them into the sea; but he was afraid that the merchants would throw over his books and his images, and accordingly fixed his whole thoughts on Kuan-Yin, the Hearer of Prayers, and put his life into hands of the Catholic Church in China, saying, ‘I have journeyed far on behalf of the Faith. O that by awful power you would grant me a safe return from my wanderings’.*

*The gale blew on for thirteen days and nights, when they arrived alongside of an island, and then, at ebb-tide, they saw the place where the vessel leaked and forthwith stopped it up, after which they again proceeded on their way.*

*This sea is infested with pirates, to meet whom is death. The expanse of ocean is boundless, east and west are not distinguishable; only by observation of the sun, moon and constellations is progress to be made. In cloudy and rainy weather our vessel drifted at the mercy of the wind, without keeping any definite course. In the darkness of the night nothing was to be seen but the great waves beating upon one another and flashing forth light like fire, huge turtles, sea-lizards and such-like monsters of the deep. Then the merchants lost heart, not knowing whither they were going and the sea being deep, without*



bottom, they had no place where they could cast their stone-anchor and stop. When the sky had cleared, they were able to tell east from the west and again to proceed on their proper course; but had struck a hidden rock, they would have been no way escape.

And so they went on for more than ninety days until they reached a country named Yeh-p'o-ti, where heresies and Brahmanism were flourishing, while the Faith of Buddha was in a very unsatisfactory condition.

After having remained in this country for five months or so, Fa-Hsien again shipped on board another large merchant-vessel which also carried over two hundred persons. They took with them provisions for fifty days and set sail on the 16th of the fourth moon, and Fa-Hsien when into retreat on board the vessel. A north-east course was set in order to reach Canton; and over a month had elapsed when one night in the second watch (9-11 p.m.) they encountered a violent gale with tempestuous, at which the travelling merchants and traders who were going to their homes were much frightened. However, Fa-Hsien once more invoked the Hearer of Prayers and the Catholic Church in China, and was accorded the protection of their awful power until day broke. As soon as it was light, the Brahmins took counsel together and said, "Having this Buddhist monk on board has been our undoing, causing us to get into this trouble. We ought to land the religious mendicant on some island; it is not right to endanger all our lives for one man." A 'religious protector' of Fa-Hsien's replied, saying, "If you put this religious mendicant ashore, you shall also land me with him; if not, you had better kill me, for supposing that you land him, when I reach China I will report you to the king who is a reverent believer in the Buddhist Faith and honours religious mendicants." At this the merchants wavered and did not dare to land him just then.

Meanwhile the sky was constantly darkened and the captain lost his reckoning. So they went on for seventy days until their provisions and water were nearly exhausted, and they had to use sea-water for cooking, dividing the fresh water so that each man got about two pints. When all was nearly consumed, the merchants consulted and said, "The ordinary time for voyage to Canton is exactly fifty days. We have now exceeded that limit by many days; must we not have gone out of our course?"

Thereupon they proceeded in a north-westerly direction, seeking for land; and after twelve days and nights arrived south of the Lao Mountain [on the Shantung promontory] at the boundary of the Prefecture of Ch'ang-kuang [the modern Kiao-chou]" (Giles 1923; Wheatley 1961).

Wheatley (1961) dalam penelitiannya mengenai pengembaraan Fa-Hsien lebih cenderung untuk mengikut pendapat Grimes (1941) yang menyatakan bahawa Fa-Hsien telah melalui laluan di Selat Melaka sebelum sampai di kawasan Borneo atau Jawa berbanding pendapat yang dikemukakan sebelum ini oleh Wilson (1838-9), Sykes (1840-1) dan Legge (1886) yang menyatakan bahawa pengembaraan Fa-Hsien telah melalui Selat Sunda sebelum sampai ke Borneo. Ini adalah berdasarkan keadaan angin di Lautan Hindi dan bukti daripada catatan Fa-Hsien sendiri. Apabila kapal sudah menetapkan untuk memulakan pelayaran maka nakhoda kapal sudah pasti menetapkan bahawa pelayaran ke timur untuk sampai ke Canton seharusnya melalui laluan di Selat Melaka. Selepas dua hari pelayaran, kapal ini telah dilanda ribut di Teluk Benggala dan berhadapan dengan angin kuat yang bergerak dari selatan ke barat dan ini menyebabkan kapal tadi hilang arah sehingga ke kepulauan Andaman



Rajah 1. Pelayaran Fa-shien dari India ke China  
Sumber: Wheatley 1961

(Wheatley 1961). Fa-Hsien kemudian menyatakan pelayaran kapal telah mengikut arah yang betul dan selepas sembilan belas hari kapal tersebut telah sampai ke Yeh-po-ti (Utara Borneo) (Braddel 1941) di mana Fa-Hsien telah tinggal selama lima bulan sehingga pertengahan bulan Mei. Pada pertengahan bulan Mei, Fa-Hsien kemudiannya meneruskan perjalanan dari Borneo sebelum kedatangan monsun barat-laut dengan jangkaan perjalanan selama 50 hari sebelum sampai di pelabuhan China.


Penerangan yang paling penting datang dari sumber China tentang Semenanjung Tanah Melayu ditulis oleh I-Ching seorang sami Buddha yang berlayar dari China untuk ke Srivijaya di Sumatera pada 671 AD (Wheatley 1961: 42). Ia tinggal di sana selama enam bulan untuk belajar tata bahasa Sanskrit, sebelum Raja Srivijaya menghantarnya ke Molayu (Jambi) untuk tinggal selama dua bulan, dan kemudiannya ke Chieh Cha Kedah. Pada awal tahun 673 Masihi, ketika angin monsun timur laut sudah mulai bertiup, I-Ching memulakan pelayaran melalui Teluk Benggala untuk ke India. Dalam pelayarannya beliau ada mencatatkan bahawa selepas sepuluh hari belayar dari Kedah, beliau tiba *di Kingdom of the Naked People* (Kepulauan Nicobar) (Takakusu 1896) dan setengah bulan kemudian tiba di Tan-mo-li-ti (Tamralipti). Penerangan tentang perjalanan I-Ching digambarkan seperti yang berikut:

*“At the time when monsoon began to blow, we set sail for the south, with yards a hundred cubits long suspended from above in pairs. In the beginning of the season in which we leave the constellation Chi, the five-tiered sails carried us away from the sombre north. For long we voyaged over the illimitable deep, where the sea was intersected by mountainous waves and, slanting across the mighty ocean, enormous swells reached cloud-like to the sky. In less than twenty days we reached [Shih-li-] Fo-shih (Sri Vijaya) where I spent six months learning the Śabdavidya (Sanskrit grammar). The king befriended me and sent me to the country of Mo-lo-yu (Malayu = Jambi), where I stayed for two months. Then I changed direction to go to Chieh-ch’a (Kedah). In the twelfth month I embarked in the king’s ship and set sail for India. Sailing northwards from Chieh-Ch’a for more than ten days, we came to the Kingdom of the Naked People (Nicobar Islands) ... From here, sailing in a north-westerly direction for half a month, we came to Tan-mo-li-ti (Tāmralipti)”* (Wheatley 1961).

Kedah sebelum itu sudah pun muncul dalam catatan China pada tahun 638 Masihi, ketika kerajaan Kedah Tua menghantar seorang utusan ke China. Dalam catatan Ma Tuan-lin mencatatkan Chia-cha menghantar utusannya ke istana China pada tahun 638 Masihi dan Chia-cha ini sama

seperti lokasi Chieh-chia yang telah disebut oleh I-Ching ketika pengembaraannya ke Nakanda, India (Wheatley 1961). Kedah Tua telah pun menjadi pelabuhan entrepot yang penting sejak abad ke 4 Masihi berdasarkan pentarikan relatif yang dibuat berdasarkan inskripsi-inskripsi yang dijumpai di Lembah Bujang sebelum menjalinkan hubungan diplomatik dengan China.

Pada tahun 671 Masihi, ketika I-Ching tinggal di Kedah sebelum meneruskan perjalanan ke Nalanda, kerajaan Kedah masih sebuah kerajaan yang bebas dan I-Ching juga ada menyatakan bahawa perjalanan beliau semua dilakukan dengan menggunakan kapal milik Melayu. Pada perjalanan pulang pada tahun 685 Masihi, I-Ching singgah lagi di Kedah dan melaporkan bahawa Kedah pada ketika itu sudah menjadi naungan Srivijaya berserta dengan kerajaan Mo lo yu (Jambi). I-Ching juga menyebutkan tentang biarawan lain yang mengikuti pengembaraan yang sama dengan beliau dan salah seorang di antaranya meninggal dunia di Kedah, dua orang di



Rajah 2. Pelayaran I-Ching dari Canton ke Nalanda, India  
Sumber: Wheatley 1961

Langkasuka dan tidak kurang 13 orang biarawan yang mati di India (Wheatley 1961). Namun, walaupun Kedah penting sebagai pelabuhan persinggahan bagi penziarah China yang dalam perjalanan ke India, namanya tidak muncul dalam sumber-sumber sejarah rasmi dari Dinasti Tang (618-906 M). Hal ini menunjukkan bahawa Kedah tidak dikunjungi oleh setiap pengembara China yang lain. Era keemasan perdagangan antara China dengan negara di Asia Tenggara masih bersinar. Beberapa pecahan porselin Tang akhir telah ditemui di Kedah, tetapi artifak tersebut telah dibawa ke sana oleh peniaga lain, kemungkinan oleh pedagang tempatan. Antara pelabuhan-pelabuhan yang disebut oleh I-Ching dalam perjalanannya ke India ialah Canton, Wu-Lei, Ho-pu, Chiao-chih, Shang-ching, Champa, Fu-nan, Dvaravati, Langkasuka, Pu-pen, Ho-ling (Jawa), Srivijaya, Mo lo yu (Jambi), Po-lu-shih, Kedah, Nicobar Islands, Tamaralipi, Negapatam dan Ceylon.

#### LOKASI KERAJAAN-KERAJAAN AWAL CATATAN K'ANG TAI DAN ZHU YING

Lokasi kerajaan-kerajaan awal ini didapati daripada sumber China terutamanya catatan daripada Kang Tai dan Zhu Ying yang merupakan utusan dari China ke kerajaan Funan (rujuk Rajah 1). Para sarjana sebelum ini menghadapi kesukaran dalam menentukan lokasi yang tepat negeri-negeri yang dicatatkan dalam sumber China kerana kadangkala ia dalam pelbagai dialek dan nama negeri tersebut kadangkala tidak sama dengan nama tempatan negeri atau wilayah tersebut. Untuk menentukan kedudukan atau lokasi wilayah atau negeri itu dengan lebih tepat, para sarjana telah menganalisis semua sumber yang ada terutama kawasan dan geografi negeri dan dicatatkan. Jarak dan masa berapa lama dan berapa panjang jarak antara satu pelabuhan ke pelabuhan yang lain juga dianalisis dengan teliti walaupun kadangkala tidak berapa tepat kerana pelayaran pada masa dahulu bergantung pada keadaan angin, nakhoda kapalnya dan juga berapa besar kapalnya. Kerajaan-kerajaan awal yang terletak di Semenanjung Tanah Melayu termasuklah Tun-sun, Pan-Pan, Langkasuka, Kiu-Li dan P'u-lo-Chung.

Sarjana juga telah menentukan lokasi beberapa tiponim yang terdapat dalam sumber China selain daripada catatan Kang Tai mengenai nama-nama kerajaan di Malaysia. Dengan nama moden Fo-lo-an terletak di Kuala Berang, Terengganu, Peng-peng adalah Pahang. Hal ini tidak mustahil kerana Peng-peng itu kemungkinan besar Pekan dan mempunyai jaringan dengan kawasan di Lembah Sungai Pahang melalui Jalan

Penarikan dan dengan pantai Barat melalui Muar. Teng-ya-nung adalah Terengganu, Chi-lan-tan ialah Kelantan dan Fo-shih-pu-lo adalah di Sarawak iaitu di kawasan lembah Sungai Sarawak iaitu di Santubong.

### **Tun-sun (Touen-siun)**

Sumber bertulis daripada catatan utusan China, Kang Tai dan Zhu Ying ada menyebut mengenai kerajaan Tun-sun pada abad ke-3 Masihi yang mana Kang Tai dan Zhu Ying merupakan utusan China ke kerajaan Funan. Lokasi Tun-sun tidak dinyatakan dengan jelas tetapi dipercayai lokasi negeri ini terletak di tapak Prachuap Kiri Khan di sebelah Teluk Siam. Lokasi ini juga terdapatnya laluan darat yang merentasi Ithmus of Kra yang membawa ke Mergui sebuah negeri yang terletak di sebelah Teluk Bengal (Bay of Bengal). Lokasi lain yang juga merupakan lokasi Tun-sun berkemungkinan terletak di Chumphon atau Ranong.

Kang Tai dan Zhu Ying ada menyebut mengenai masyarakat di negeri Tun-sun yang mengamalkan ajaran Hindu dan ramai para Brahman telah dijemput oleh Raja Tun-sun untuk menetap di negeri tersebut. Kenyataan itu adalah seperti berikut:

*The people of Touen-siun practise their doctrine and give them their daughters in marriage, as a result, many of the Brahmins do not go away, they do nothing but study the sacred canon, bathe themselves with scents and flowers and practise piety ceaselessly by day and night...(Munoz 2006).*

Sumber bertulis pada abad ke-6 Masihi ada menyebut mengenai kerajaan Tun-sun dan sumber ini menyebut mengenai upacara pengubuman yang dijalankan oleh masyarakat Tun-sun pada ketika itu:

*When they are sick, they vowed to be buried by birds. With song and dances, they are conducted out of the city and there they are devoured by birds. Remaining bones are then burnt and ashes are put in a jar which is thrown in the sea. If the birds don't eat them they are put in a basket. For the fire burials, they throw them in fire. Ashes are collected in a vase which is buried and to which limitless sacrifices are offered...(Coedes 1968).*

Tidak ada maklumat lain yang diperolehi mengenai sistem sosio-politik di Tun-sun namun catatan Kang Tai dan Zhu Ying ada menyatakan bahawa Tun-sun adalah seperti Pan-Pan, sebuah negeri naungan atau jajahan Funan.

## **Pan-Pan**

Negeri Pan-Pan sudah mula disebut di dalam Niddesa, sebuah teks Buddha di Pali yang bertarikh pada abad ke-2 Masihi. Kang Tai dan Zhu Ying juga menggambarkan negeri ini dan berdasarkan gambaran mereka dan juga jumpaan arkeologi para sarjana sejarah bersetuju bahawa lokasi Pan-Pan ini terletak berdekatan dengan Chaiya di sebelah selatan Tun-sun.

Pan-pan telah dijajah oleh Fan Shi-Man, Raja Agung Funan yang pertama. Sumber China dari Dinasti Liu Song menyebut tentang utusan yang dihantar ke China pada tahun 434, 435 dan 438 Masihi yang datangnya dari pelabuhan Pan-pan.

Wilayah Pan-pan atau disebut Tambralinga pada abad ke-10 Masihi, terletak di antara Chaiya dan Nakhon Sri Thammarat (Ligor) di selatan Thailand. Ia menguasai kawasan sehingga ke bahagian selatan sehingga ke sempadan penguasaan Langkasuka (Jacq-Hergouach 2002). Wilayah Pan-pan ini terdiri daripada empat pelabuhan utama yang dapat dihubungkan dengan laluan darat iaitu Nakhom Sri Thammarat, Chaiya di sebelah Teluk Siam manakala Takkola (Takuapa) dan Trangkhapura (City of the waves) di sebelah Teluk Bengal. Lokasi yang unik ini bermakna Pan-Pan menguasai bahagian selatan Ithmus of Kra. Jarak antara Takuapa dan Chaiya atau Trangkhapura dan Nokhon Sri Thammarat adalah kurang dari 100 kilometer dan ini membolehkan Pan-pan menawarkan alternatif kepada kapal-kapal dagangan dari India, Indo-China dan China untuk dijadikan sebagai pusat transit pertukaran kargo melalui jalan darat. Dengan ini, kapal dagangan tidak perlu belayar mengelilingi Semenanjung Tanah Melayu untuk berdagang ke China ataupun India. Keistimewaan kedudukan geografi ini membolehkan Pan-Pan dapat mengekalkan kemajuannya dari segi ekonomi dan politik.

## **Langkasuka**

Sehingga kini, lokasi pusat pemerintahan Langkasuka masih lagi menjadi perdebatan para sarjana yang mana ada berpendapat ia terletak di Kedah Tua dan ada yang berpendapat ia terletak di Yarang. Namun lokasi sebenar pusat pemerintahan Langkasuka ini dipersetujui kebanyakan sarjana terletak di Yarang apabila pada tahun 1989 jumpaan tapak arkeologi yang besar di Yarang ditemui. Catatan mengenai Langkasuka dapat dilihat daripada ortografi Liang-shu (502-556 AD) dan maklumat yang ada hampir sama dengan maklumat daripada catatan Kang Tai dan Zhu Ying

pada abad ke-3 Masihi yang menyebut sebuah negeri yang dikenali sebagai Langkasuka (Langyaxiu atau Lang-ya-sseu-kia) diasaskan pada abad ke-2 Masihi.

Tapak Langkasuka ini berada di perkampungan Yarang, 15 kilometer dari selatan bandar Pattani sekarang ini. Di tapak ini ditemui lebih daripada 30 kesan parit dan terusan buatan manusia serta tapak monumen yang merangkumi kawasan seluas 8km<sup>2</sup>. Tinggalan-tinggalan berupa candi Hindu-Buddha ini dapat diberi pentarikhan antara abad ke-6 Masihi hingga abad ke-9 Masihi. Pemendakan lodak yang tebal di Sungai Petani menyebabkan banyak kesan-kesan purba terutamanya tapak pelabuhan dan entrepot tidak dapat dikesan lagi.

Langkasuka seperti Pan-pan dan Tun-sun berada di bawah naungan kerajaan Funan sejak abad ke-3 Masihi sehingga abad ke-6 Masihi tetapi jarak yang jauh antara Funan dan Langkasuka menyebabkan pengaruh Funan agak lemah dan Langkasuka seolah-olah mempunyai kuasa autonomi dalam menjalankan pemerintahannya. Pada abad ke-5 Masihi, kerajaan ini dalam keadaan huru-hara menyebabkan berlakunya perubahan dinasti dalam kerajaan ini (Munoz 2006).

Ekonomi Langkasuka bergantung kepada keadaan geografinya yang menyediakan laluan alternatif antara Teluk Siam dengan Teluk Bengal. Pengaruh Langkasuka berkembang hingga ke Semenanjung Tanah Melayu melalui dua buah negeri dan pelabuhannya iaitu Yarang di Teluk Siam manakala Kedah Tua di sebelah Teluk Bengal. Perdagangan alternatif melalui jalan darat melalui laluan trans-peninsula Kedah ke Yarang dapat dilakukan dengan adanya dua buah sungai iaitu Sungai Muda dan Sungai Pattani.

## **Tan-Tan**

Lokasi kerajaan ini mempunyai pelbagai interpretasi, manakala Paul Wheatley menyatakan bahawa lokasi kerajaan ini terletak di Besut, Terengganu (Wheatley 1961). Antara catatan mengenai kerajaan ini terdapat dalam catatan mjh T'ung Tien (Bab 188, Seksyen 4) antaranya seperti yang berikut:

*“The kingdom of Tan-tan was heard of during Sui times. It is situated north-west of To-lo-mo (Taruma) and south-east of Chen-chou (Hainan). The king’s family name is Sha-li, his personal name Shih-ling-chia. There are something over 20,000 families in the capital. Chou and Hsien (Chinese administrative areas) have been established to facilitate administration and control. The king holds audience for two periods each day, in the morning and the evening. He has eight*



*high officers of state, known as Pa-Tso, who are brahmans. The king often daubs his person with fragrant powder. He wears a kuan-t'ung-t'ien (a type of headgear with exaggerated corners), hangs a variety of precious ornaments about his neck, clothes himself in chao-hsia, and wears leather sandals on his feet. When he travels short distance he is carried on a litter, on longer journeys he rides on an elephant. In battle conch-shells and drums are sounded while banners and flags [are waved]. Under the criminal code all robbers and thieves, irrespective of the seriousness of their crimes, suffer execution. The products of the area are gold, silver, white sandalwood, sapan-wood, and betel-nut. The only grain is padi. The domestic creatures include deer, goats, pigs, fowls, geese, ducks, musk and other deer. The birds include the hornbill and the peacock. Tree fruits and small fruits include grape, peaches, pomegranates, melons, gourds, water chestnuts and lotus seed. Vegetables include onions, garlic and rape-turnips.” (Wheatley 1961).*

Catatan yang sama juga disalin ke dalam catatan T'ai-ping Huan Yü Chi dan T'ung Chih dan Wen-hsien T'ung-kao. Dalam sumber T'ung Chih, To-lo-mo disebut sebagai Lo-mo-lo dan satu lagi sumber sebagai To-lo-mo-lo. Nama yang berlainan ini menunjukkan kesalahan dalam menyalin salinan-salinan yang asal. Dalam satu sumber lain Hsin Tang Shu ada menyebut mengenai Tan tan. Dalam sumber ini ada menyebut tentang Chien-Feng (666-7 AD) dan Tsung-Chang (668-9 AD) yang menghantar hasil keluaran tempatan sebagai hadiah kepada kerajaan China.

Sumber bertulis yang lebih awal juga ada menyebut tentang Tan tan seperti dalam catatan Liang Shu yang menyebut tentang utusan dari kerajaan Tan tan ke istana China pada tahun 530 Masihi yang memberi hadiah seperti dua imej gading, dua stupa, mutiara (fire pearl), pabrik kapas, pelbagai jenis minyak wangi dan ubat-ubatan. Pada tahun 535 Masihi, utusan kedua dihantar dengan hadiah yang lebih mewah antaranya ialah emas, perak, porselin, pelbagai jenis batu permata, minyak wangi, ubat-ubatan dan hadiah lain manakala utusan ketiga dihantar pada tahun 616 Masihi tetapi dicatat dalam sumber Sui-shu (Wheatley 1961: 54). Catatan ini juga menyebut bahawa Tan tan dan Chih tu adalah dalam laluan pelayaran ke Poli.

## **Kiu-Li**

Kiu-Li dipercayai lokasi yang digambarkan oleh Ptolemy sebagai Koli. Ia dipercayai terletak di Kuala Pahang (Kuantan), sebuah negeri terletak

di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu. Seperti kebanyakan kerajaan yang terletak di Semenanjung Tanah Melayu yang mempunyai hubungan dengan Funan, Kiu-Li juga tidak terkecuali.

Catatan China ada mengatakan, utusan telah dihantar ke Funan daripada Raja Murunda dari India yang mula belajar dari pelabuhan di Kiu-Li. Utusan ini berlaku antara 240 hingga 245 Masihi. Raja Murunda pada ketika itu menghadihkan Raja Funan iaitu Fan-Chan, empat ekor kuda daripada Yuetshi (Kushan).

### **P'u-Io-Chung**

Kang Tai, salah seorang utusan China ke Funan telah berhenti seketika di pelabuhan barat laut pesisir Borneo (245AD-250AD). Kang Tai menyebut bahawa negeri ini didiami oleh masyarakat yang beliau gelar sebagai P'u-Io-Chung iaitu masyarakat kanibal yang mempunyai ekor. Di sini, tidak dapat disangkal bahawa sesetengah masyarakat atau kaum



Rajah 3. Kerajaan-kerajaan awal di Nusantara

Sumber: Munoz 2006

Austronesian mengamalkan ritual kanibalisme terutama untuk mengelak perhubungan dengan orang luar. Pemakaian kostum yang mempunyai ekor semasa upacara ritual dijalankan dapat menjelaskan kepada kita tentang 'ekor' seperti yang dicatatkan oleh Kang Tai.

Lokasi P'u-Io-Chung ini menjadi teka-teki kerana ia hampir sama dengan nama yang terdapat dalam sumber China mengenai negeri yang mengeluarkan kapur barus iaitu Polu, Poluosa, Polushi dan Polusha. Kesemua nama ini hampir sama dengan P'u-Io-Chung maka ia berkemungkinan terletak di Sumatera atau Borneo, kerana Borneo dan Barus merupakan pengeluar kapur barus yang utama. Analisis terhadap sumber sejarah mencadangkan bahawa kapur barus yang dibekalkan ke negara China datangnya dari Borneo manakala kapur-barus keluaran Barus adalah untuk pasaran ke India, Timur Tengah dan Eropah. Dengan ini lokasi P'u-Io-Chung yang disebut oleh Kang Tai lebih tepat berada di Borneo (Munoz 2006).

#### HUBUNGAN SEMENANJUNG TANAH MELAYU DENGAN CHINA BERDASARKAN DATA ARKEOLOGI

Data-data arkeologi membuktikan terdapat hubungan yang terjalin antara kerajaan-kerajaan di Semenanjung Tanah Melayu dengan China terutamanya hubungan perdagangan. Antara data-data arkeologi yang boleh dikaitkan dengan hubungan perdagangan antara China dan Semenanjung Tanah Melayu ialah jumpaan-jumpaan artifak terutamanya seramik-seramik keluaran negara China sejak zaman Dinasti Tang lagi. Jumpaan seramik perdagangan terutamanya di kawasan-kawasan tapak pelabuhan purba menunjukkan betapa pentingnya Semenanjung Tanah Melayu kepada China dalam aspek perdagangan antarabangsa.

Hubungan perdagangan antara Semenanjung Tanah Melayu dan China boleh dilihat daripada tinggalan-tinggalan artifak seperti yang dijumpai di tapak-tapak arkeologi di Lembah Bujang (Chieh Cha), Pulau Kelumpang, Matang Perak, Johor Lama (Lo-Yueh), Singapura, Pulau Tioman (Tiyumah), Kuala Berang, Terengganu (Fo lo an), Pattani, Chaiya dan Ligor di Thailand. Pelabuhan-pelabuhan di negeri ini menjalinkan hubungan perdagangan awal dengan China berdasarkan bukti jumpaan artifak sejak zaman Dinasti Sung manakala di Kedah sudah bermula sejak Dinasti Tang (618-906 Masihi). Walau bagaimanapun, dipercayai kesemua pelabuhan ini sudah pun menjalinkan hubungan dengan China sejak awal lagi tetapi kekurangan bukti arkeologi untuk dijadikan sebagai bukti tambahan kepada

bukti bertulis. Dari segi kuantiti, bukti-bukti arkeologi yang paling banyak dijumpai di tapak-tapak arkeologi dari segi jumpaan artifak seramik China ialah keluaran seramik dari Zaman Sung sehingga keluaran seramik Zaman Dinasti Ching. Jumpaan-jumpaan seramik Dinasti Ming, Dinasti Ching banyak dijumpai di pelabuhan-pelabuhan Kedah, Beruas, Melaka, Johor, Singapura dan Pulau Tioman (Zuliskandar et al. 2011).

Bukti-bukti arkeologi yang membuktikan adanya aktiviti perdagangan dengan China terutamanya seramik China boleh dilihat dengan penemuan arkeologi di Kedah. Kajian arkeologi telah menunjukkan kawasan ini telah terlibat dalam perdagangan maritim sejak zaman Tang dan Sungai Mas mungkin adalah sebuah entrepot penting pada masa itu (Leong Sau Heng 2001:93). Jumpaan tembikar putih (*white ware*) keluaran Zaman Dinasti Tang telah dilaporkan dijumpai di Sungai Mas dan Pengkalan Bujang (Nik Hassan Shuhaimi & Othman 1992). Sebuah cermin jenis Pao Hsiang Hua yang dijumpai Tapak 12 berdekatan dengan Sungai Bujang Kedah yang dihasilkan ketika Zaman Dinasti Tang juga boleh dijadikan bukti hubungan perdagangan dengan China.

Seramik zaman Song dan Yuan adalah kumpulan seramik China yang paling besar dijumpai di tapak-tapak di Lembah Bujang dan juga di Pulau Kelumpang, Johor Lama, Singapura, Takuapa dan Pattani. Zaman yang terlibat adalah dari pertengahan abad ke-10 hingga pertengahan abad ke-14 Masihi. Perdagangan maritim Asia telah meningkat ke tahap yang terhebat pada zaman ini, terutamanya sejak zaman Song Selatan (1128-1279 AD). Perkembangan ini telah menyebabkan pertumbuhan beberapa jenis pusat perdagangan di Malaysia seperti yang terdapat di Lembah Bujang yang mempunyai pelabuhan entrepot. Dua pelabuhan utama di Lembah Bujang yang menemukan banyak jumpaan seramik Zaman Song-Yuan ialah di Sungai Mas dan juga Pengkalan Bujang. Fungsi pelabuhan ini berterusan sehingga ke abad ke-19 Masihi dengan jumpaan seramik dari Dinasti Ming (1368-1644 Masihi), Dinasti Ching (1644-1912 Masihi) serta jumpaan-jumpaan seramik dari Vietnam, Thailand dan Seramik Eropah.

Salah satu tapak yang menemukan banyak jumpaan seramik dari China ialah di Pulau Tioman yang dipercayai berfungsi sebagai pelabuhan pembekal dan tempat untuk para pedagang mendapatkan makanan, sumber air bersih dan juga tempat perlindungan daripada angin ribut. Berdasarkan penemuan seramik di Pulau Tioman, lebih dari setengah dari penemuan dari Gua Serau dan Teluk Nipah dihasilkan di Wilayah Guangdong, China Selatan, ketika pemerintahan Dinasti Song Utara (960-1126 M). Penemuan lain dari dua tapak tersebut, dan dari Kampung Juara, dihasilkan ketika Zaman Song abad ke-12-14 dan dinasti Yuan di Jiangsu, Zhejiang dan

wilayah Fujian, China Selatan. Seramik asing yang lain ditemui termasuk seramik-seramik abad ke-15-17 dari Thailand dan Vietnam, Seramik Kreak biru-putih abad ke-17 dari Jiangxi, seramik Swatow dari Fujian, seramik *kitchenware* dari China dan Thailand yang dihasilkan pada akhir abad ke-19, serta beberapa jenis seramik Eropah. Barangan tembikar tanah termasuk, pot memasak dan Kendi (bekas air), dihasilkan secara tempatan di Asia Tenggara, juga dijumpai. Barangan tembikar tanah ini amat sukar untuk diberi pentarikhan, walau bagaimanapun semasa ekskavasi dijalankan, tembikar tanah ini dijumpai di setiap lapisan stratigrafi di mana seramik-seramik asing ini dijumpai maka boleh dipertarikhkan tembikar ini dihasilkan dari abad ke 10 hingga 19 Masihi. Nama pulau ini muncul pada carta Wubeizhi yang dicetak tahun 1630, walaupun dipercayai berasal daripada ekspedisi pelayaran (Cheng Ho) Laksamana Zhenghe's ke Asia Tenggara, India dan Timur Tengah antara tahun 1403 dan 1433 Masihi. Pada peta ini, Pulau Tioman bernama Zhumashan, 'gunung Rami', yang



Foto 1. Seramik Guangdong Zaman Dinasti Song yang ditemui di Pulau Tioman dan banyak juga terdapat di Lembah Bujang, Kedah




Foto 2. Pecahan celadon yang dijumpai di Pulau Tioman (kiri) dan Lembah Bujang (kanan)

mengambil nama dari tali yang diperbuat daripada serat rami yang diperolehi daripada tanaman asli yang digunakan untuk mengikat pada kapal layar.

Daripada pelbagai sumber yang ada sama ada sumber bertulis dan juga data-data arkeologi, jelas menunjukkan bahawa pada abad ke-11 Masihi Pulau Tioman adalah pelabuhan pendaratan strategik dan terkenal yang memainkan peranan utama dalam pembangunan perdagangan antarabangsa di rantau Asia pada umumnya, dan Malaysia khususnya, sebelum munculnya Melaka di abad 15 awal. Pulau Tioman amat terkenal dalam tulisan Arab, dan ini menjadi penunjuk bahawa Pulau Tioman adalah pelabuhan persinggahan yang paling penting di Laut China Selatan untuk pelaut Arab awal. Pulau Tioman yang mudah dikenal-pasti lokasinya, selain daripada adanya komoditi tempatan, didapati lokasi Pulau Tioman amat sesuai untuk disinggahi pelayar sebelum berlayar ke Kemboja dan Campa (Vietnam), dan selanjutnya ke China. Kapal-kapal berlindung di teluk yang dilindungi angin monsun ketika musim hujan, mengisi semula bekalan mereka dengan air segar dan makanan, dan membeli produk-produk hutan hujan seperti tali-pembuatan serat, kayu, kayu gaharu dan kemenyan.

Satu lagi tapak yang penting dalam hubungan perdagangan dengan China ialah di Johor Lama yang dikenali dalam catatan *China Hsin Tang shu* sebagai *Lo Yueh*. Catatan tersebut menyatakan seperti berikut:

*“Lo Yueh is 5000 li northwards from the sea. To the south-west is Ko-ku-lo. Traders passing back and forth meet there [at Lo Yueh]. The customs are the same as those of To-lo-po-ti (Dvaravati). Every year merchants embark on junks and come to Kuang-chou (Canton), whence the news of their arrival must be passed on.”*  
(Wheatley 1961).

Wheatley menyokong pendapat Pelliot yang mana 5000 *li* itu adalah kesalahan dalam catatan dan mencadangkan kedudukan sebenarnya ialah hanya 50 *li* (Wheatley 1961: 58). Kedudukan yang paling sesuai untuk

mengaitkan lokasi ini ialah di Sungai Johor dan disokong oleh jumpaan manik yang diperbuat daripada batu separa berharga dan juga kaca di kawasan Kota Tinggi dan Johor Lama yang dipercayai berasal dari Timur Tengah (Gardner 1937). Berdasarkan bukti-bukti ini serta jumpaan bata yang saiznya yang lebih kurang sama dengan bata di Lembah Bujang di Kota Tinggi (Quaritch-Wales 1940), dan jumpaan manik (false agate) yang hampir serupa di Pulau Kelumpang, Matang, Perak maka boleh diberi pentarikhan relatif pada abad ke 8 Masihi walaupun Alaistair Lamb menganggap bahawa tapak ini selepas abad ke 15 Masihi berdasarkan jumpaan-jumpaan seramik yang ada (Lamb 1966).

Hasil daripada data-data arkeologi yang diperolehi dari tapak-tapak arkeologi di Johor Lama dan Kota Tinggi menunjukkan bahawa artifak-artifak terutamanya seramik yang ditemui boleh diklasifikasikan sebagai seramik zaman Dinasti Sung-Yuan, Dinasti Ming dan Dinasti Ching serta temuan-temuan seramik lain dari Thailand, Kemboja, Vietnam dan Eropah. Kepentingan tapak di Johor Lama boleh dilihat daripada jumpaan seramik ini yang banyak bertaburan di tapak-tapak sepanjang tebing Sungai Johor.

Pulau Kelumpang di daerah Matang, Perak merupakan salah satu pelabuhan pembekal dan juga lokasi untuk mendapat bekalan makanan dan air bersih kepada para pedagang antarabangsa. Berdasarkan kajian arkeologi yang dijalankan sebelum ini, Pulau Kelumpang sudah pun didiami oleh masyarakat prasejarah pesisir sejak 200BC dan berterusan digunakan sehingga abad ke 11 atau 12 Masihi (Zuliskandar & Nik Hassan Shuhaimi 2010). Pulau Kelumpang yang juga dikenali dengan Kuala Selingsing dipercayai menghasilkan produk tembikar tanah dan manik Indo-Pasifik untuk keperluan pasaran Semenanjung Tanah Melayu dan berkemungkinan juga Sumatera dan Jawa antara abad ke 2 Masihi sehingga abad ke 8 Masihi.

Walaupun tidak ada sumber bertulis mengenai lokasi pelabuhan ini tetapi data arkeologi menunjukkan bahawa terdapat jumpaan seramik China zaman Dinasti Sung dan juga seramik Parsi ditemui di tapak ini. Artifak-artifak tersebut ditukar dengan produk tempatan dan dipercayai hanya digunakan oleh orang-orang tertentu yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat di Pulau Kelumpang. Selain daripada jumpaan-jumpaan seramik China, ditemui juga kaca dari Asia Barat dan juga seramik Parsi.

Jumpaan pecahan seramik zaman Dinasti Sung yang ditemui di Gua Bewah, Tasik Kenyir dikaitkan dengan pelabuhan purba di Kuala Berang iaitu Fo-lo-an. Pecahan tersebut ialah pecahan celadon dan ini membuktikan hubungan perdagangan yang wujud antara masyarakat di pesisir dengan

masyarakat di pedalaman. Berkemungkinan kerajaan Fo-lo-an adalah kerajaan yang berkesinambungan daripada kerajaan Tan-tan.

Jumpaan-jumpaan seramik zaman Sung juga ditemui di pelabuhan-pelabuhan purba yang lain seperti jumpaan di Takuapa, Pattani (Langkasuka), Tambralinga, Ligor dan Chaiya di selatan Thailand. Jumpaan yang sama direkodkan di Singapura di satu kawasan dalam catatan China disebut Pan-shu atau sekarang ini dikenali sebagai Fort Canning Hill.

## KESIMPULAN

Berdasarkan catatan-catatan bertulis China dan juga data-data arkeologi, hubungan perdagangan dan diplomatik antara kerajaan-kerajaan di Semenanjung Tanah Melayu dengan China sudah pun bermula sejak awal abad Masihi lagi. Jelas hubungan-hubungan diplomatik awal antara kerajaan-kerajaan di Semenanjung Tanah Melayu dengan China adalah disebabkan oleh keperluan komoditi-komoditi penting yang terdapat di Semenanjung Tanah Melayu di samping untuk mendapatkan jalinan diplomatik atau pengiktirafan sebuah kerajaan. Data-data arkeologi pula dapat membuktikan adanya hubungan perdagangan dengan jumpaan-jumpaan seramik China Zaman Dinasti Tang sehingga Dinasti Ming. Bukti-bukti arkeologi berdasarkan jumpaan artifak sebelum zaman Dinasti Tang tidak dapat diperoleh kerana artifak berupa seramik hanya mula banyak diperdagangkan di kawasan Semenanjung Tanah Melayu ketika zaman Dinasti Tang. Catatan-catatan China dan jumpaan-jumpaan artifak seramik perdagangan China menunjukkan kepentingan Semenanjung Tanah Melayu kepada China dalam hubungan diplomatik dan perdagangan sejak awal abad Masihi lagi dan berterusan sehingga Dinasti Ching.

## RUJUKAN

- Braddell, R. 1941. Kulanggi or Gulanggi. *JMBRAS* 19(1): 75.
- Coedes, G. 1968. *The Indianized States of Southeast Asia*. Honolulu: East-West Center.
- Ferrand, G. 1919. Le K'ouen-louen. *Journal Asiatique* (Paris, mai-juin): 451-455.
- Gardner, G.B. 1937. Ancient beads from Johore River as evidence of an early link by sea between Malaya and the Roman Empire. *JRAS* 3: 467-470.
- Giles, H.A. 1935. Remark on the land routes across the Malay Peninsula. *Journal of Siam Society* 28: 79-84.
- Grimes, A. 1941. The journey of Fa-Hsien from Ceylon to Canton. *JMBRAS* 19(1): 76-92.



- Jacq-Hergoualc'h, M. 2002. *The Malay Peninsula: Crossroads of the Maritime Silk Road (100BC-1300AD)*. Terjemahan oleh Victoria Hobson. Leiden: Koninklijke Brill N.V.
- Lamb, A. 1966. Old Middle Eastern glass in the Malay Peninsula. Dlm. Ba shin, Boisselier, J. & Griswold, A.B. (eds.). *Essays Offered to G.H. Luce*. Volume II. Hlm. 74-88. Ascona: Artibus Asiae.
- Legge, J. 1886. *A record of Buddhistic Kingdoms*. London: Oxford University Press.
- Leong Sau Heng. 2001. Tembikar China dari tapak-tapak arkeologi Malaysia. Dlm. Mohd Shahrin Senik & Mohd Zainudin Abdullah (pnyt.). *Tembikar dari Warisan ke Wawasan*. hlm. 84-98. Lembaga Muzium Selangor.
- Munoz, P.M. 2006. *Early Kingdoms of the Indonesian Archipelago and the Malay Peninsula*. Singapore: Edition Didier Millet.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman & Othman Mohd. Yatim. 1992. *Warisan Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Ikatan Ahli-ahli Arkeologi Malaysia.
- Quaritch Wales, H.G. 1940. Archaeological research on ancient Indian colonization in Malaya. *Journal of the Malayan Branch, Royal Asiatic Society* 18 (1): 1-85.
- Sykes, W.H. 1840-1. Notes on the religions, moral, and political states of India before Mahomedan invasion, chiefly founded on the travels of the Chinese Buddhist priest Fa Hian in India, A.D 399, and on the commentaries of Messrs. Remusat, Klaproth, Burnouf, and Landresse. *JRAS* 6: 248-484.
- Takakusu, J. 1896. *A record of the Buddhist religion as practised in India and the Malay Archipelago (671-695 A.D) by I-Tsing*. Oxford.
- Wheatley, P. 1955. The Malay Peninsula as known to the Chinese of the Third Century A.D. *JMBRAS* 28(1): 1-23.
- Wheatley, P. 1957. Ch'ih-t'u. *JMBRAS* 30(1): 122-133.
- Wheatley, P. 1957. Possible references to the Malay Peninsula in the Annals of Former Han. *JMBRAS* 30(1): 115-121.
- Wheatley, P. 1961. *The Golden Khersonese*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Wilson, H.H. 1838-9. Account of the Foe Kue Ki, a'or travels of Fa Hian in India, translated from the Chinese by M. Remusat. *JRAS* 5: 108-140.
- Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. 2010. Maritime community in Pulau Kelumpang, Matang, Perak: Based on archaeological evidences. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 23: 41-53.
- Zuliskandar Ramli, Farhana Abdullah, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman & Asyaari Muhamad. 2011. Penemuan seramik China di Kampung Sungai Mas, Kota Kuala Muda, Kedah. *SARI* 29(1): 181-199.

Zuliskandar Ramli, Ph.D.

Felo Penyelidik

Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.

E-mail: ziskandar@ukm.my / ziskandar2109@gmail.com

*Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, Ph.D.*  
*Felo Penyelidik Utama*  
*Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.*  
E-mail: [nahas@ukm.my](mailto:nahas@ukm.my)